



**USM** UNIVERSITI  
SAINS  
MALAYSIA



**PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN**

**SIDANG AKADEMIK 2020/2021**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**PGT219 : PENGANTAR KAEDAH MENGAJAR ILMU KEMANUSIAAN**

**ESEI : KEMAHIRAN-KEMAHIRAN PENGAJARAN**

**( KEMAHIRAN MENGEMUKAKAN SOALAN DAN CONTOH )**

**DISEDIAKAN OLEH**



**NUR ATHIRAH BINTI CHE'ZAMBELI**

**148249**

**DISEDIAKAN UNTUK :**

**PROFESOR MADYA DR JAMALSAFRI BIN SAIBON**

## **PENDAHULUAN**

Menurut Mok Soon Sang (2008), pengajaran mikro ialah suatu teknik pengajaran dalam masa di antara lima hingga lima belas minit untuk mengajar sesuatu kemahiran pelajaran bagi sekumpulan guru pelatih, biasanya terdiri daripada lima hingga sepuluh orang sahaja. Menurut Sharifah Alwiah (1986), pengajaran mikro merupakan satu teknik pengajaran untuk meningkatkan kemahiran pengajaran guru dalam aspek-aspek tertentu seperti set induksi atau motivasi, memberi contoh dan penyualan, variasi rangsangan, menerang, penggunaan papan kapur, alat bantuan mengajar, pengukuhan, penutup dan lain-lain. Pengajaran mikro merupakan salah satu kaedah untuk memberi latihan mengajar kepada para guru. Istilah mikro itu sendiri bermaksud kecil ataupun halus. Umumnya pengajaran mikro hanya memfokuskan satu jenis kemahiran mengajar seperti membuat rumusan, set induksi, kaedah lakonan dan lain-lain. Cooper dan Allen (1971) definisikan pengajaran mikro adalah situasi pengajaran yang dijalankan dalam satu masa dan bilangan pelajar yang terhad, iaitu antara 5-20 minit dan pelajar sebanyak 3-10 orang. Berdasarkan definisi ini, pengajaran mikro merupakan satu model latihan mengajar. Pengajaran mikro digunakan untuk memerihalkan teknik pengajaran untuk membolehkan pelatih atau pelajar menguasai, melatih atau memurnikan kemahiran pengajaran dalam situasi yang dikurangkan dari segi kesukarannya. Maka dalam melaksanakan pengajaran mikro, bilangan pelajar dan peruntukan masa dikurangkan.

Kemahiran menggunakan contoh ialah kemahiran yang memerlukan guru menggunakan pelbagai contoh semasa menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran. Guru boleh menggunakan contoh-contoh yang berkaitan dengan topik yang diajar, benda maujud, alam sekeliling, pengalaman sedia pelajar, peristiwa atau kejadian. Kebiasaannya dalam mengaplikasikan kemahiran menggunakan contoh dalam pengajaran, guru akan memulakan dengan contoh-contoh yang mudah sebelum beralih kepada contoh-contoh yang lebih kompleks. Memulakan dengan contoh yang lebih mudah akan memudahkan proses kefahaman murid terhadap sesuatu perkara yang ingin disampaikan oleh guru. Kemahiran mengemukakan soalan adalah satu kemahiran yang sering digunakan oleh guru untuk mengetahui tentang penguasaan pelajar dalam subjek yang dipelajari. Selain itu, kemahiran mengemukakan soalan juga digunakan oleh guru untuk melihat sejauhmana keberkesanan proses pengajaran yang dikendalikan. Mengikut Mohd Syaubari dan Ahmad Yunus (2017), penguasaan proses menyoal secara menyeluruh adalah salah satu pendekatan yang di bahaskan sebagai teknik pengajaran berteraskan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Dalam konteks pengajaran dan

pembelajaran, guru mengemukakan soalan-soalan kepada pelajar berkaitan dengan topik pengajaran dan ini secara tidak langsung dapat meningkatkan prestasi pelajar, khasnya dalam penguasaan kemahiran berfikir aras tinggi. Penggunaan soalan di dalam kelas merupakan salah satu cara guru menyampaikan pengajaran yang popular dan merupakan salah satu yang paling mudah untuk dilaksanakan.

## **PENDEKATAN MENGGUNAKAN CONTOH**

Terdapat beberapa pendekatan yang digunakan dalam kemahiran menggunakan contoh yang dilakukan oleh seseorang guru dalam pengajaran dan pembelajarannya di kelas. Antaranya ialah pendekatan induktif, pendekatan deduktif, pendekatan elektif dan pendekatan komunikatif.

Pendekatan induktif ialah pendekatan yang menjelaskan spesifik kepada umum iaitu guru menggunakan pendekatan ini dalam mengajar pelajar-pelajarnya yang spesifik dahulu lalu kepada perkara-perkara umum di dalam pengajarannya. Menurut pandangan J.M Kierzek dan W.Gibson (1960), yang memberi penekanan bahawa pendekatan induktif dimulakan dengan sesuatu sebab atau contoh dan menuju ke arah sesuatu kesimpulan atau generalisasi. Oleh itu, dapat dilihat pendekatan Induktif ini melibatkan bagaimana seorang guru mengajar pelajar untuk membuat pengumpulan dan pentafsiran maklumat-maklumat yang kemudiannya setiap maklumat ini akan berubah kepada kesimpulan. Hal ini menunjukkan bagaimana konsep pengajaran yang spesifik kepada umum. Tambahan pula, Murid dibimbing oleh guru bagaimana untuk berfikir, mengkaji, mengenalpasti seterusnya mentafsir maklumat untuk membuat kesimpulan. P&P ini melibatkan seseorang guru dalam membantu pelajar-pelajarmenguasai konsep atau generalisasi berasaskan pemerhatian atau contoh-contoh yang diperolehi. Selalunya pendekatan induktif ini sesuai digunakan bagi matapelajaran bahasa Melayu namun begitu matapelajaran lain juga menggunakan pendekatan ini seperti matapelajaran Matematik dan Sains.

Pendekatan deduktif juga merupakan pendekatan yang digunakan oleh seorang guru menggunakan contoh di dalam pengajarannya. Pendekatan deduktif ialah pendekatan yang memulakan pengajaran dengan menggunakan contoh menerangkan spesifik kepada umum. Pendekatan deduktif ini merupakan pendekatan yang berlawanan dengan pendekatan induktif, di mana pendekatan induktif yang memulakan dengan menerangkan spesifik kepada umum, pendekatan deduktif pula menerangkan umum kepada spesifik. Hal ini disebabkan pendekatan

ini menumpukan kepada hukum-hukum yang umum dan hanya digunakan dalam kes-kes tertentu. Tambahan pula, pendekatan deduktif ini merupakan pengajaran yang kompleks, dimana seorang guru harus menerangkan perkara-perkara asas sebelum memasuki fasa-fasa pengajaran yang lebih susah dan mendalam, disebabkan itu pendekatan deduktif ini digelar pendekatan yang menekankan pengajaran yang akan lebih kompleks di dalam pembelajaran kerana murid perlu memperolehi kefahaman yang mendalam/mencukupi serta berupaya memilih rumus, hukum, teori, peraturan yang telah dipelajari dengan tepat untuk diaplikasi pada contoh-contoh khusus.

Pendekatan elektif juga merupakan salah satu pendekatan yang digunakan dalam mengaplikasikan penggunaan contoh dalam pengajaran. Pendekatan elektif merujuk kepada pendekatan yang menggunakan lebih daripada satu iaitu menggabungkan dua atau tiga pendekatan di dalam kelas. Antara contoh menggabungkan dua pendekatan tersebut ialah pendekatan induktif dengan pendekatan deduktif di dalam pengajaran yang menggunakan contoh-contoh atau mengaplikasikannya. Tambahan itu, pendekatan elektif ini sesuai digunakan di dalam kelas, di mana pelajar-pelajar di dalam kelas tersebut mempunyai latar belakang yang berbeza atau mempunyai tahap pemikiran yang berbeza-beza. Pendekatan elektif ini juga akan membantu guru mengajar pelajar yang agak lemah dan semua pelajar akan memahami pengajaran dan pembelajaran secara serentak di dalam kelas. Contohnya, apabila guru memulakan P&P dengan memberikan contoh dan diikuti dengan kesimpulan. Selain itu, proses pengajaran dan pembelajaran boleh diakhiri dengan memberikan contoh diikuti dengan generalisasi. Proses ini lebih menyerupai kepada pendekatan induktif. Jika guru memulakan pelajaran dengan memberikan peraturan atau generalisasi diikuti dengan contoh dan kemudian diakhiri dengan penerangan tentang peraturan, maka ianya lebih kepada pendekatan deduktif.

Seterusnya, pendekatan yang digunakan juga dalam menggunakan contoh ialah pendekatan komunikatif di dalam pengajaran dan pembelajaran. Pendekatan komunikatif ini ialah pendekatan yang menekankan komunikasi berlaku antara seorang guru dengan pelajar di dalam kelas. Pendekatan ini berfokuskan kepada bentuk-bentuk komunikasi iaitu seperti meminta maaf, bercerita ataupun melapor. Hal ini disebabkan pelajar-pelajar sudah terbiasa berkomunikasi dengan masyarakat. Penguasaan komunikasi adalah perlu agar pelajar dapat membuat pemilihan struktur ayat yang betul mengikut konteks bahasa.

## **OBJEKTIF MENGEMUKAKAN SOALAN**

### **Menguji pengetahuan dan kefahaman murid**

Kemahiran mengemukakan soalan merupakan salah satu faktor yang dapat merangsangkan peningkatan pemahaman murid. Soal jawab dalam proses pengajaran dan pembelajaran dapat membantu guru untuk mendapatkan maklumat berkenaan sejauh mana pelajar memahami sesuatu konsep yang telah diketahui atau diajar. Dalam hal ini, apabila seseorang pelajar memberikan reaksi dengan bertanyakan soalan, guru memperoleh penilaian yang serta merta terhadap pengajarannya. Sekiranya pelajar mampu menjawab soalan guru dengan baik, ini menunjukkan bahawa pelajar tersebut sudah menguasai topik pembelajaran dan memahami isi pelajaran yang disampaikan oleh guru. Pengujian ini dilakukan bertujuan untuk guru melakukan tindakan susulan sekiranya murid masih tidak memahami dan menguasai topik pembelajaran. Soalan daripada guru juga dapat membantu pelajar menilai sejauh mana pemahaman mereka terhadap sesuatu konsep yang baru diperoleh melalui proses pembelajaran.

### **Menarik perhatian murid menumpukan perhatian**

Kemahiran mengemukakan soalan bertujuan untuk menarik perhatian murid agar menumpukan perhatian terhadap pengajaran guru. Penyoalan boleh mendorong kepada penglibatan pelajar agar perhatian mereka dapat dikekalkan serta merangsang tingkah laku mental mereka di dalam kelas. Soalan daripada guru dapat menarik minat pelajar untuk menumpukan perhatian kerana mereka ingin menjawab soalan atau bimbang diri mereka diajukan soalan. Dalam hal ini, sekiranya mereka menumpukan perhatian, mereka akan dapat menjawab soalan yang diajukan oleh guru. Hal ini jelas menunjukkan bahawa penumpuan murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran dapat dibentuk dengan mengemukakan soalan.

### **Menguji keberkesanan pengajaran guru**

Kemahiran mengemukakan soalan bukan sahaja bertujuan untuk menguji kefahaman murid, malah ianya juga bertujuan untuk menguji keberkesanan pengajaran guru. Maklumbalas daripada pelajar dapat membantu guru menilai sama ada penyampaian isi pembelajaran tersebut berkesan atau sebaliknya. Dalam hal ini, guru dapat menilai keberkesanan pengajaran mereka dengan melihat maklumbalas daripada pelajar. Pelajar yang dapat menjawab soalan dengan baik menunjukkan guru berhasil menyampaikan isi pembelajaran dengan baik manakala jika pelajar tidak dapat menjawab dengan baik, guru perlu melakukan tindakan

susunan dalam teknik pengajaran. Hal ini kerana guru perlu memastikan pelajar menguasai topik pembelajaran dengan baik.

### **Menimbulkan perasaan ingin tahu**

Kemahiran mengemukakan soalan bertujuan untuk menimbulkan perasaan ingin tahu pelajar menerusi soalan-soalan yang mencabar. Dalam konteks pengajaran di dalam kelas, soalan daripada guru dapat memotivasikan pelajar untuk bertanyakan soalan. Soalan yang ditimbulkan oleh pelajar dapat menunjukkan perasaan ingin tahu ataupun kemungkinan ketidakfahaman berkaitan konsep yang dipelajari. Maka, guru perlu menyediakan ruang untuk pelajar bertanya dan memberi maklum balas terhadap pertanyaan mereka. Soalan yang baik dapat menimbulkan minat pelajar untuk mengetahui jawapan tersebut dengan lebih mendalam. Proses inkuiri sangat bagus diterapkan dalam pembelajaran kerana ini akan menimbulkan minat pelajar untuk mencari jawapan serta menggalakkan mereka berfikir dengan lebih kritis.

## **KOMPONEN KEMAHIRAN MENGEMUKAKAN SOALAN**

### **Pembentukan soalan**

Komponen kemahiran mengemukakan soalan yang pertama dapat dilihat melalui pembentukan soalan. Aras soalan yang hendak ditanya haruslah sesuai mengikut umur, kebolehan dan pengalaman pelajar. Contohnya, soalan kemahiran berfikir aras tinggi sesuai bagi pelajar yang berkebolehan dan berpengalaman. Perkataan dan istilah yang digunakan haruslah mudah difahami oleh pelajar sesuai dengan peringkat umur seperti soalan soalan rumuskan, tafsirkan sesuai bagi pelajar di sekolah menengah atas. Guru perlulah menggunakan bentuk soalan yang berbeza-beza dari masa ke semasa untuk menarik minat pelajar. Sebagai contoh, soalan pertama, nyatakan. Kemudian soalan seterusnya adalah jelaskan dan kemudia soalan berbentuk huraikan. Hal ini supaya pelajar tidak berasa bosan dengan bentuk soalan yang sama. Selain itu, bentuk soalan juga perlulah mendorong pelajar untuk berfikir dan elakkan soalan yang sudah mengandungi jawapan. Contohnya, “bumi kita berbentuk sfera kan?”. Soalan ini jelas ternyata mengandungi jawapan iaitu sfera. Guru juga perlulah mengajukan soalan yang ringkas, tepat dan padat. Dalam hal ini, soalan yang diajukan perlulah mudah difahami oleh pelajar dan ayat yang digunakan untuk mengemukakan tidak terlalu panjang dan berbelit sehingga sukar bagi pelajar untuk memahami kehendak soalan.

### **Fokus tunggal ( konvergen )**

Soalan jenis fokus tunggal atau konvergen memerlukan jawapan yang tepat dan aras rendah. Pemikiran konvergen adalah daya berfikir yang menggunakan integrasi logik bagi menghasilkan sesuatu penyelesaian terhadap sesuatu masalah yang lazim berpandukan kepada prinsip, teori, hokum dan pengalaman sedia ada. Soalan jenis ini sering dilabel sebagai pemikiran penaakulan, kritis dan analitis. Contoh soalan adalah seperti ‘siapakah nama Perdana Menteri Malaysia ?’.

### **Fokus pelbagai ( divergen )**

Soalan berbentuk fokus pelbagai atau divergen merupakan soalan yang memerlukan jawapan pemikiran terbuka yang tidak terkongkong dengan teori, hokum atau pengalaman sedia ada seseorang bagi mendapatkan pelbagai alternatif penyelesaian bagi sesuatu masalah. Pemikiran jenis ini sering disebut sebagai pemikiran lateral, mendorong kepada daya kreativiti yang memerlukan keterbukaan minda, imaginasi dan sebagainya. Contoh soalan adalah seperti “apakah pandangan anda terhadap kedegilan rakyat Malaysia dalam mematuhi SOP penyakit Covid19 ?”. soalan berbentuk ini tidak terhad kepada jawapan yang memerlukan fakta, ianya memerlukan pelajar berfikir secara logik dan diluar kotak dalam memberi padangan dan jawapan mereka.

### **Sebaran**

Komponen kemahiran mengemukakan soalan yang kedua adalah sebaran. Sebaran merujuk kepada soalan yang dikemukakan ditujukan kepada seluruh kelas dan bukan tertumpu kepada sesetengah pelajar sahaja. Soalan tidak boleh ditujukan hanya kepada pelajar pintar sahaja atau pelajar yang berada di hadapan kelas sahaja. Guru perlu elak daripada memberi soalan mengikut susunan tempat duduk di dalam kelas. Hal ini supaya semua pelajar dapat diuji tahap penguasaan dan kefahaman mereka mengenai isi pembelajaran. Untuk menarik perhatian pelajar, guru hanya menyebut soalan sekali sahaja dengan syarat sebutan guru cukup lantang dan jelas didengar oleh semua pelajar. Pastikan juga semua murid telah bersedia mendengar soalan guru.

### **Hentian**

Komponen mengemukakan soalan yang seterusnya adalah hentian. Untuk menggalakkan setiap pelajar memikirkan jawapan, guru haruslah mengemukakan soalan terlebih dahulu, berhenti sekejap untuk memberi masa kepada pelajar untuk berfikir, kemudian menyebut nama

pelajar supaya menjawab. Hal ini bertujuan untuk memberi masa kepada pelajar berfikir jawapan dan mengelakkan daripada mereka berasa gugup untuk menjawab soalan. Hentian dapat membantu pelajar memikirkan jawapan yang betul dan logik. Hentian dapat mengelakkan pelajar meneka jawapan tanpa berfikir. Hentian merupakan komponen mengemukakan soalan yang sangat penting kerana ianya dapat membantu pelajar memikirkan jawapan. Hentian boleh dilakukan selama 10 – 15 saat bagi soalan yang agak mudah dan bagi soalan yang tinggi, hentian boleh dilakukan selama 15 – 20 saat.

### **Melayani jawapan**

Komponen penyediaan yang seterusnya adalah melayani jawapan. Guru perlulah memberi reaksi bagi setiap jawapan yang dijawab oleh pelajar. Pujian hendaklah diberikan kepada pelajar yang telah memberi jawapan yang betul untuk menggalakkan pelajar berusaha memberi jawapan yang baik. Jika jawapan yang diberikan oleh pelajar adalah baik dan penting, guru boleh meminta pelajar lain mengulangi jawapan tersebut. Jika jawapan kurang lengkap, guru boleh meminta rakan sekelas yang lain untuk melengkapkannya atau guru sendiri yang boleh memberi maklumat kepada jawapannya manakala jika jawapan yang diberikan oleh pelajar adalah salah atau pelajar tidak dapat menjawab soalan, guru boleh mengubah soalan kepada aras yang lebih rendah. Guru perlu memberi respon atau reaksi tanpa mengadili jawapan pelajar dengan cara mengolah jawapan pelajar menggunakan ayat yang berbeza jika guru ingin meneruskan perbincangan dan soal jawab berdasarkan soalan tersebut. Jika sebaliknya, hargai jawapan pelajar dengan penegasan positif. Setiap jawapan yang diberikan oleh pelajar perlu mendapat pujian daripada guru walaupun jawapan tersebut salah. Hal ini bertujuan untuk menaikkan semangat pelajar untuk menjawab soalan serta mengelakkan pelajar berasa malu dan tidak yakin.

### **Memberi petunjuk jawapan**

Memberi petunjuk jawapan juga merupakan komponen kemahiran mengemukakan soalan. Guru perlulah memberi petunjuk jawapan kepada pelajar ketika mereka hendak menjawab soalan. Hal ini bertujuan untuk membantu pelajar mencari jawapan dan menjawab soalan. Petunjuk jawapan boleh diberikan apabila guru melihat pelajar tidak dapat menjawab soalan yang diajukan. Guru perlu memberi galakan seperti klu atau isyarat sekiranya pelajar tidak dapat menjawab soalan atau mengolah semula soalan. Petunjuk jawapan memberi peluang kepada pelajar mencari jawapan yang mempunyai kaitan dengan petunjuk yang diberikan. Hal ini akan menggalakkan pelajar untuk berfikir dengan menggunakan petunjuk jawapan.



## **Mencungkil fikiran**

Mencungkil fikiran dalam komponen mengemukakan soalan merujuk kepada soalan yang digunakan perlulah bentuk soalan yang mampu mencungkil fikiran pelajar sehingga mereka memberi satu jawapan yang tepat dan sempurna. Tujuan menggunakan kemahiran ini adalah untuk menolong pelajar-pelajar berfikir secara mendalam supaya memahami sesuatu fakta, konsep. Hukum atau dengan lebih jelas lagi. Kemahiran menggunakan soalan untuk mencungkil fikiran pelajar boleh dijalankan dengan menyediakan beberapa soalan yang berkenaan serta berkaitan, kemudian mengemukakan soalan-soalan itu mengikut susunan yang sesuai.

## **ARAS-ARAS PENYOALAN**

### **Pengetahuan**

Pandangan yang dikemukakan oleh Noor Rohana Mansor (2009) menyatakan aras pengetahuan meliputi kebolehan untuk mengingat semula dan mengimbas perkara yang telah berlaku, perkara khusus dan sejagat, kaedah-kaedah dan memproses, mencorak dan menstruktur. Peringkat ini menguji kebolehan pelajar mengingat kembali fakta asas, istilah, erti, hukum, konsep yang dipelajari. Perkataan yang biasanya digunakan dalam soalan peringkat pengetahuan ialah namakan, berikan, nyatakan, siapa, bila dan sebagainya. Contoh soalan seperti berikan definisi memulihara, siapakah nama Perdana Menteri Malaysia ?.

### **Kefahaman**

Aras kefahaman boleh didefinisikan sebagai keadaan memberi penjelasan atau makna kepada sesuatu perkara dengan jelas dalam bahasa tersendiri dan mudah difahami. Aras kefahaman dalam diklasifikasikan lebih tinggi berbanding aras pengetahuan. Ia bukan sahaja memerlukan murid mengingat kembali fakta-fakta pengetahuan tetapi juga memerlukan kebolehan menerangkan atau memberi makna kepada fakta tersebut. Peringkat ini menguji kebolehan pelajar menterjemah, memahami dan menginterpretasikan fakta asas, konsep, prinsip yang dipelajari. Perkataan yang biasanya digunakan dalam peringkat ini adalah terangkan, huraikan, jelaskan dan sebagainya. Sebagai contoh, “huraikan usaha-usaha memulihara hutan di Malaysia”.

## **Aplikasi**

Aplikasi merujuk kepada aras kebolehan untuk memerlukan calon menyelesaikan masalah dengan kebolehan diri sendiri. Aras penyoalan aplikasi menguji kebolehan calon menggunakan fakta asa, konsep, prinsip dan kemahiran yang telah dipelajari untuk menyelesaikan masalah. Perkataan biasanya yang digunakan ialah bagaimana, selesaikan, carikan, kirakan dan sebagainya. Contoh soalan adalah seperti kirakan luas segitiga bersudut tegak yang mempunyai sisi 3cm, 4cm dan 5cm.

## **Analisis**

Peringkat analisis ini menguji kebolehan calon membuat perbandingan dan menghuraikan faktor-faktor perbezaan, kesamaan dan perhubungan. Perkataan yang biasanya digunakan dalam soalan peringkat ini ialah bandingkan, bezakan, analisiskan. Sebagai contoh, bezakan maksud memulihara dan memelihara.

## **Sintesis**

Peringkat sintesis ini menguji kebolehan pelajar menggabungkan, mengintegrasikan atau mencantumkan idea-idea serta mentafsirkan dan merumuskan hasil yang dianalisis melalui prinsip induksi dan deduksi. Perkataan yang biasanya digunakan dalam peringkat ini ialah rumuskan, membuat kesimpulan, bentukkan, gabungkan dan sebagainya. Sebagai contoh, gubahkan satu puisi yang bertajuk “Aku, Guru dan KSSM”.

## **Penilaian**

Aras ini merangkumi kebolehan untuk membuat penilaian dan mengenalpasti kewajaran atau pengadilan berlandaskan ciri-ciri yang diberi. Peringkat ini adalah peringkat tertinggi dan digunakan untuk menguji kebolehan pelajar membuktikan, mengesahkan, memberi pendapat atau hujah, mengkritik, memberi komen dan menilai sesuatu kenyataan, ciptaan, karya, teori dan sebagainya. Contohnya, kritikkan puisi ‘nelayan’ yang ditulis oleh Usman Awang.

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, kemahiran menggunakan contoh dan mengemukakan soalan merupakan teknik yang paling lama dan paling popular di dalam bidang pendidikan. Kedua-dua kemahiran ini sangat mmebantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini kerana kemahiran menggunakan contoh dapat memudahkan pelajar memhami isi pembelajaran dan kemahiran mengemukakan soalan membolehkan guru menguji kefahaman pelajar. Pemilihan teknik mengemukakan soalan dapat mewujudkan interaksi antara guru dengan pelajar. Dengan ini, jelaslah bahawa sangat penting bagi guru mempunyai kedua-dua kemahiran ini dan mengaplikasikannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

## **RUJUKAN**

Blog Cikguzainababdullah, Jun 2018

<http://cikguzainababdullah.blogspot.com/p/kemahiran-menggunakan-contoh.html>

Blog Hasmizi Abdul Hamid,4 February 2011.

<https://www.slideshare.net/mobile/Dibut/penyoalan-kritis-dan-kreatif>

Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu. Kepelbagaian kaedah penyoalan lisan dalam pengajaran guru Bahasa Melayu : Kaedah Pemerhatian

[http://journalarticle.ukm.my/2540/1/5165\\_Jurnal\\_pendidikan\\_bahasa\\_melayu.pdf](http://journalarticle.ukm.my/2540/1/5165_Jurnal_pendidikan_bahasa_melayu.pdf)

Mohd Syaubari Othman & Ahmad Yunus Kassim. (2017). Pelaksanaan amalan pengajaran guru pendidikan Islam sekolah menerusi kaedah penyoalan berdasarkan kemahiran berfikir aras tinggi. *Jurnal Tinta Artikulasi Membina Ummah*. Vol 3(1):(42 - 53).

Safiah Sulaiman, 27 April 2013

<https://www.slideshare.net/Nashasofia/pengajaran-mikro-thn3>